

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL  
FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS MAKAN MALAM  
PENGHARGAAN SYARIKAT  
BERSEKUTU, ANAK SYARIKAT DAN**

**RAKAN NIAGA MYANGKASA  
HOLDINGS SDN BHD**

**28 JANUARI 2023 (SABTU)  
8.00 MALAM  
HOTEL SUMMIT, PETALING JAYA**

---

Bismillahirrahmannirrahin

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh Salam Perpaduan  
dan Salam Koperasi,

(Protokol Sapaan)

1. Terlebih dahulu bersyukur kita  
kehadrat Allah S.W.T kerana  
dengan limpah izin-Nya, maka

pada malam ini kita semua dapat berkumpul untuk menjayakan Majlis Makan Malam Penghargaan Syarikat Bersekutu, Anak Syarikat dan Rakan Niaga MyANGKASA Holdings Sdn Bhd.

2. Saya difahamkan majlis makan ini julung kali di adakan bagi

memberikan penghargaan kepada semua syarikat bersekutu MyANGKASA Holdings, wakil anak syarikat ANGKASA, rakan niaga serta Lembaga dan Pengurusan Kanan ANGKASA.

3. Di kesempatan ini saya mewakili MyANGKASA Holdings Sdn Bhd dan

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua pihak yang hadir memberikan komitmen tinggi bagi menghadiri bengkel retreat hala tuju syarikat bersekutu serta majlis makan malam ini.

4. Sesungguhnya kehadiran anda semua amat bermakna kerana sokongan berterusan daripada semua rakan niaga, usaha anak syarikat dan ANGKASA, dalam memacu perniagaan koperasi serta dapat dipertingkatkan menerusi jaringan strategik perniagaan.

## **Para hadirin yang dihormati sekalian.**

5. Di peringkat ANGKASA sendiri, kita telah merangka beberapa strategi bagi memantapkan ANGKASA sebagai badan puncak gerakan koperasi. Usaha penubuhan anak syarikat oleh ANGKASA pada tahun



2012, bertujuan untuk membantu ANGKASA dan gerakan koperasi untuk menceburi bidang perniagaan baru yang boleh meningkatkan pendapatan dan memberikan manfaat yang lebih menyeluruh kepada semua masyarakat khususnya koperasi dan anggotanya.

6. Pelbagai transformasi juga telah dijalankan oleh ANGKASA bersama gerakan koperasi melalui keterlibatan dalam pelbagai sektor ekonomi yang dahulunya amat jarang kita dengar diceburi oleh koperasi. Kita mengambil pendekatan untuk sentiasa beradaptasi dengan situasi

ekonomi semasa bagi memastikan gerakan koperasi kekal relevan merentasi zaman.

7. Keadaan ekonomi yang tidak menentu dengan isu kenaikan harga barangan asas dan ketidak tentuan mata wang ringgit membelenggu kehidupan

masyarakat hari ini. Perkara ini juga menjejaskan prestasi gerakan koperasi khususnya yang menjalankan aktiviti perniagaan.

8. Pelbagai usaha telah digerakan oleh ANGKASA dan anak syarikat dalam mencari solusi kepada cabaran kos sara hidup lebih-lebih

lagi pada era pasca pandemik COVID-19. ANGKASA dan anak syarikat telah pun terlibat dalam projek seperti Projek Barang Asas 100 (BA100), Ternakan Lembu Tenusu dan Heifers Park, Pembekalan Barangan Kesihatan Berpusat dan lain-lain.

## **Para hadirin yang dihormati sekalian.**

9. Tahun demi tahun, pelbagai inisiatif telah kita jayakan melalui kerjasama dengan pemegang taruh, baik dalam sektor koperasi mahupun pemain industri supaya peranan koperasi dalam sektor

keberhasilan utama dapat memberikan dampak semaksimal mungkin dalam rantai perniagaan dan sektor itu sendiri.

10. Gerakan koperasi berpotensi tinggi sebagai pemacu ketiga ekonomi negara. Penglibatan koperasi dalam bidang perniagaan baru

menerusi sektor-sektor kritikal negara, amatlah digalakkan.

11. ANGKASA merangsang kecemerlangan koperasi dengan mempelopori dan memperkasa jaringan serta rantai nilai perniagaan sektor ekonomi koperasi menerusi sektor-sektor



peneraju. Kolaboratif ini penting agar matlamat penguasaan rantai nilai perniagaan secara tuntas oleh koperasi dapat dicapai. Oleh demikian, amatlah penting untuk MyANGKASA Holdings dan semua anak syarikat menjadi pelopor dan teras dalam ekosistem rantai nilai perniagaan.

**Para hadirin yang dihormati  
sekalian.**

12. ANGKASA akan sentiasa menyokong usaha anak syarikat bersama syarikat bersekutu dan rakan niaga lainnya dalam membantu membangunkan rangkaian perniagaan kepada

koperasi. Ini secara tidak langsung, memberi sumbangan berkesan kepada komuniti dan menyumbang kepada KDNK Negara.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan

terima kasih kepada semua wakil syarikat bersekutu dan rakan niaga yang hadir atas sokongan dan perhatian yang diberikan untuk menjayakan majlis kita pada hari ini.

Sekian, terima kasih.